

Pelabur Malaysia kena sabotaj

Oleh Othman Mamat

LANGKAWI, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan kuasa serantau sanggup menawarkan wang kepada negara membangun untuk memujuk mereka menghalang pelabur Malaysia dan Asean menjalankan pembalakan di negara itu.

Tanpa menyebut nama kuasa serantau itu, Perdana Menteri berkata, mereka berbuat demikian kerana cemburu terhadap keikhlasan pelabur Malaysia dan negara Asean membantu meningkatkan ekonomi di kebanyakan negara membangun.

"Apabila syarikat pembalakan Asean mengembangkan operasi di negara Pasifik Selatan dan wilayah lain, mereka memberi perhatian terhadap usaha mengelak daripada memusnahkan hutan yang ditebang.

"Malangnya, kegiatan itu yang bertujuan membantu meningkatkan ekonomi kebanyakan negara membangun menimbulkan rasa cemburu di kalangan kuasa serantau.

"Kita tidak tahu apakah nama bantuan itu tetapi yang menjadi persoalan ialah sama ada ia memabitkan isu alam sekitar," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan Asean di sini, hari ini.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid; Menteri Pertanian Indonesia, Dr Sjarifudin Baharsjah; Menteri Industri dan Sumber Utama Brunei, Datuk Abdul Rahman Taib; Setiausaha Pertanian Filipina, Roberto S Sebastian; Timbalan Menteri Koperasi Thailand, Suthep Thaugsuban; Setiausaha Parlimen Kanan Singapura, Matthias Yao dan Setiausaha Agung Asean, Datuk Ajit Singh, hadir sama.

Dr Mahathir berkata, tindakan itu mungkin diambil kerana sebahagian negara Asean berjaya mengurangkan per-

gantungan terhadap sumber hutan bagi membangunkan ekonominya, sedangkan mereka tidak mampu berbuat demikian.

Menurutnya, kegiatan pembalakan di hutan tropika sebelum ini juga menjadi fokus utama apabila kempen pemuliharaan hutan dunia mula diperkenalkan tidak lama dulu.

Ketika itu, katanya, kempen besar-besaran dan penuh emosi dilancarkan di negara Barat bagi mengharamkan penggunaan kayu tropika.

"Ia menggambarkan seolah-olah balak daripada hutan beriklim sederhana dan sejuk tidak berfungsi sama sekali dalam mengekalkan keseimbangan ekologi dan pengusaha balak di negara Utara bebas menebang berjuta hektar hutan di sana.

"Tanpa menafikan fungsi hutan tropika dalam mengekalkan keseimbangan ekologi, kita ingin menegaskan bahawa kita tidak memusnahkan hutan itu malah kita mengawal pengeluaran balak di sini," katanya.

Menurutnya, Asean masih kekal sebagai wilayah yang paling banyak mempunyai hutan tropika, iaitu 180 juta hektar atau 60 peratus daripada luas keseluruhan negara Asean.

Perdana Menteri juga berkata, fungsi sektor pertanian tidak harus diabaikan walaupun isu alam sekitar menarik perhatian dunia sejak persidangan mengenai pembangunan alam sekitar di Rio de Janeiro pada 1992.

Dr Mahathir juga sempat mengadakan perbincangan ringkas dengan Dr Sjarifudin berhubung peluang kerjasama dalam bidang pertanian dan perhutanan di antara Malaysia dan Indonesia selepas majlis perasmian.

Ketika ditemui pemberita selepas itu, beliau

Pelabur Malaysia kena sabotaj

DARI MUKA 1

berkata, kuasa serantau cuba menghalang pelabur dari Malaysia dan negara Asean lain menjalankan kegiatan pembalakan di negara membangun kerana mahu menunjukkan keangkuhan mereka.

"Mereka tidak suka kita masuk di kawasan yang dianggap dikuasai oleh mereka... jadi kita tidak boleh masuk," katanya.

Dr Mahathir berkata, kuasa wilayah itu bertindak demikian selepas menjualkan syarikat pembalakan mereka di negara membangun kepada sektor swasta dari Asean sedangkan sebelum itu mereka turut mengeksploitasi hutan di negara itu.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia masih sanggup melabur dalam bidang pembalakan di negara membangun kerana cara itu dapat membantu membangunkan negara itu.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia dan negara Asean lain mempunyai kebolehan melabur dan pelaburan itu memberi faedah kepada penduduk negara membangun.

Mengenai kerjasama dalam bidang pertanian dan perhutanan dengan Indonesia, Dr Mahathir berkata, kedua-dua negara tidak harus bersaing sehingga pembeli mendaapat keuntungan.